



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**08 April 2023
17 Ramadan 1444H**

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	<ul style="list-style-type: none">• Operasi bersepadu rampas 1,366 bubu naga
Berita Harian	<ul style="list-style-type: none">•
Harian Metro	<ul style="list-style-type: none">•
Kosmo !	<ul style="list-style-type: none">• Lagi nelayan Myanmar ditahan cuba masuk perairan Kuala Kurau
Sinar Harian	<ul style="list-style-type: none">•
The Star	<ul style="list-style-type: none">•
New Straits Time	<ul style="list-style-type: none">•
Nanyang Siang Pau	<ul style="list-style-type: none">•
Malaysia Gazette	<ul style="list-style-type: none">•
Harakah	<ul style="list-style-type: none">•
Malaysiakini	<ul style="list-style-type: none">•
Bernama	<ul style="list-style-type: none">•
Borneo Post (KK)	<ul style="list-style-type: none">•
Guan Ming Daily	<ul style="list-style-type: none">•
Sabah Media	<ul style="list-style-type: none">•

UTUSAN MALAYSIA	/	KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN:	POSITIF		NEGATIF		NEUTRAL			32	8.4.2023

Operasi bersepadu rampas 1,366 bubu naga

LUMUT: Aktiviti tangkapan ikan menggunakan bubu naga semakin membimbangkan apabila menunjukkan peningkatan kira-kira 10 peratus dan kehadiran ramai individu baharu menggunakannya di laut khususnya sekitar perairan Perak.

ia berdasarkan tangkapan dan sitaan Jabatan Perikanan terhadap bubu yang diharamkan itu sejak awal tahun ini.

Terbaharu, Operasi Bersepadu Pemantauan, Kawalan dan

9hb um ms33

Pengawasan Vesel Penangkapan Ikan (MCS) Zon Tengah selama lima hari bermula Isnin lalu dan berakhir semalam berjaya merampas 1,366 unit bubu naga.

Sehubungan itu, Penyelaras Operasi tersebut, Osman Mohamed memaklumkan pihaknya akan mengusulkan kepada agensi berkaitan untuk mengekang penjualan set bubu naga yang berleluasa dan mudah dibeli termasuk pembelian dalam talian.

"Bubu naga ini asalnya ha-

nya digunakan dalam aktiviti akuakultur tetapi diubah suai untuk penggunaan di laut dan semakin popular kerana ia mudah dipasang, harga murah serta boleh menghasilkan perolehan tinggi hingga RM1,000 sehari.

"Ketika ini, Jabatan Perikanan tiada kuasa untuk menghalang penjualan bubu itu tetapi boleh menguatkuasakan undang-undang bila digunakan di laut, dan ia sering menjadi topik panas setiap kali mesyua-

rat jawatankuasa bersama Agensi Penguatkuasa Maritim Malaysia (Maritim Malaysia), Pasukan Polis Marin dan agensi berkaitan.

"Kita akan mencadangkan agar penjualan bubu naga diharamkan kecuali kepada mereka yang terlibat dalam akuakultur," katanya pada sidang akhbar di Pangkalan Utama MCS Kampung Acheh, Sitiawan.

Beliau berharap ada hasil positif terhadap cadangan itu

tahun ini yang melibatkan banyak pihak berkuasa lain seperti Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) serta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN).

Dalam pada itu, operasi MCS dengan kerjasama pasukan Polis Marin itu meliputi perairan Pulau Pinang dan Perak, yang mencatatkan 22 kes dengan anggaran nilai rampasan ialah RM538,810.

UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!	/	THE STAR		NANYANG SIANG PAU		MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN:		POSITIF		NEGATIF		NEUTRAL		15	8.4.2023



DUA kru nelayan warga asing ditahan oleh Maritim Malaysia Zon Kuala Kurau di perairan Kerian kerana tidak memiliki dokumen pengenalan diri yang sah semalam.

Lagi nelayan Myanmar ditahan cuba masuk perairan Kuala Kurau

KOSMO 845 MELIS

PARIT BUNTAR – Dua kru nelayan ditahan Maritim Malaysia (APMM) Zon Kuala Kurau kerana tidak memiliki sebarang dokumen pengenalan yang sah.

Pengarah Zon Maritim Kuala Kurau, Komander Maritim Mohd. Najhan Azman Hamid berkata, semasa pihaknya melakukan rondaan rutin diperairan Kerian dan Larut Matang.

“Pasukan peronda telah mengesan bot nelayan tempatan kelas A jenis pukat gompang pada kedudukan 4.5 batu nautika barat daya Kuala Gula pada jam sekitar

12.55 tengah hari semalam.

“Hasil pemeriksaan menemui dua orang kru nelayan termasuk tekong warga Myanmar dan Indonesia tidak memiliki dokumen pengenalan diri yang sah berada diatas bot tersebut,” katanya dalam satu kenyataan semalam.

Menurutnya, kedua-dua warga asing itu berumur antara 32 serta 37 tahun.

“Pemeriksaan lanjut turut dijalankan mendapati bot itu memiliki lesen yang sah, namun tidak diusahakan sendiri oleh pemiliknya.

“Disamping itu, tiada dokumen kebenaran penggunaan kru warga asing oleh Ketua Pengarah Perikanan Malaysia,” katanya.

Tambahnya, bot bersama kru serta alat penangkapan ikan telah ditahan dan dibawa ke Jeti Zon Maritim Kuala Kurau untuk tindakan lanjut.

Kes disiasat dibawah Seksyen 6(1)(c) Akta Imigresen dan Seksyen 8(b) Akta Perikanan 1985.

Orang ramai dinasihatkan untuk membuat laporan kepada Pusat Operasi Zon Maritim Kuala Kurau ditalian **05-727 9919**.